

Audit Committee Report

Nationwide Express Courier Services Berhad
(133096-M)

MEMBERS OF THE AUDIT COMMITTEE

YBhg Tan Sri Dato' (Dr) Arshad bin Ayub
Chairman/Independent, Non-Executive Director

YBhg Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdullah Sanusi bin Ahmad (Deceased on 29 November 2003)
Member/Independent, Non-Executive Director

Encik Bazlan bin Osman
Member/Independent, Non-Executive Director

YBhg Dato' Sulaiman bin Sujak
Member/Independent, Non-Executive Director

All members of the Audit Committee have a working familiarity with basic finance and accounting practices, and one of the members i.e. Encik Bazlan bin Osman is a member of the Malaysian Institute of Accountants.

TERMS OF REFERENCE OF THE AUDIT COMMITTEE

CONSTITUTION

The Board constitutes and establishes an Audit Committee with authority, responsibilities and specific duties as described below.

COMPOSITION

The Committee comprises of directors of the Company and that the majority of the members shall be independent of management and free from any relationship that in the opinion of the Board, would interfere with the exercise of independent judgment as a committee member.

The members of an Audit Committee shall elect a Chairman from among their members.

If a member resigns, dies or ceases to be a member with the result that the number is reduced below 3, the Board shall within 3 months appoint new members required to make up the minimum number. The maximum number shall be 5.

RESPONSIBILITIES AND DUTIES

The functions of an Audit Committee shall be to:

- Review with the external auditors
 - the audit plan
 - their evaluation of the system of internal accounting control
 - the audit report on the financial statement
- Review the assistance given by the Company's officers to the auditors.
- Review the scope and results of the internal audit procedures.
- Review the financial statements submitted by the management and thereafter to submit them to the Board of Directors.
- Review any significant related party transactions that may arise within the Company or Group
- Give recommendations to the Board concerning the appointment and remuneration of the external auditors.
- Consider any matter and auditors wish to bring to the attention of the directors or shareholders.
- Review arrangements established by management information for compliance with any regulatory or other external reporting requirements.
- Review the effectiveness of management information and other systems of control within the Company.
- Review the accounting policies adopted, any changes in accounting principles or practices and the level of prudence applied in areas requiring judgment.
- Review interim financial information and press releases relating to financial matters of importance.

Audit Committee Report

Nationwide Express Courier Services Berhad
(133096-M)

- Review any significant transactions which are not a normal part of the Company's business.
- Confirm that management has placed no restrictions on the scope of the audit.
- Review the effectiveness of the internal audit function.
- Review the coordination of audit between the external and internal auditors.

MEETINGS

The Committee shall meet at least four (4) occasions each year, or more frequently as circumstances dictate.

ATTENDANCE

Members of the Committee are to be present at all meetings. The quorum for the meeting shall be 2. The Chairman may request that members of management, the internal auditors and representatives of the external auditors to be present at meetings of the Committee.

Four meetings were held during the financial year. The records of attendance are as follows:

AUDIT COMMITTEE MEMBERS	NO	22 MAY 03	01 AUG 03	21 NOV 03	17 FEB 04
Tan Sri Dato' (Dr.) Arshad bin Ayub	4/4	Present	Present	-	Present
Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdullah Sanusi bin Ahmad*	4/4	Present	Present	Present	-
Bazlan bin Osman	4/4	Present	Present	Present	**
Dato' Sulaiman bin Sujak	4/4	Present	-	Present	Present

* Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdullah Sanusi bin Ahmad deceased on 29 November 2003.

** Bazlan bin Osman was on hajj pilgrimage

MINUTES

The Company Secretary shall be the Secretary to the Committee.

Minutes of each meeting shall be prepared and sent to committee members and the Company directors who are not members.

FINDINGS AND RECOMMENDATIONS

The Audit Committee shall report its findings and recommendations to the Board but the Committee itself shall have no executive powers with respect to those findings and recommendations.

INTERNAL AUDIT ACTIVITIES REPORT

The Internal Audit Department was established on 1 June 1999. At present, there are six personnel in the Department. Its principal functions are to conduct review of operations, processes and procedures, and subsequently highlight findings and propose recommendations to the Committee for further improvement.

Audit Committee Report

Nationwide Express Courier Services Berhad
(133096-M)

During the financial year, the following tasks were accomplished:-

TYPE OF AUDIT	ENTITIES/AREAS AUDITED
Compliance with operations and internal control procedures	2 Branches 7 Agencies 2 Business Service Centre 1 Subsidiary
Review of system, cycle, processes and procedures	2 Processes
Investigations	2 Branches

Key issues, including management's feedbacks and audit recommendations were highlighted to the Audit Committee. The external auditors have reviewed and endorsed the key issues and management's feedbacks.

Future Internal Audit Plans were reviewed and approved for execution by the Audit Committee to ensure best practices are followed by the Company. The external auditors have given their views on the nature, scope and approach of future audits to the Committee.

The quarterly and year-end financial statements were reviewed by the Audit Committee before submitting to the Board. Attention was given on the compliance to MASBs, and other legal and regulatory requirements.

Laporan Jawatankuasa Audit

Nationwide Express Courier Services Berhad |
(133096-M)

AHLI JAWATANKUASA AUDIT

YBhg Tan Sri Dato' (Dr) Arshad bin Ayub
Pengerusi/Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif

YBhg Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdullah Sanusi bin Ahmad (Meninggal Dunia pada 29 November 2003)
Ahli/Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif

Encik Bazlan bin Osman
Ahli/Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif

YBhg Dato' Sulaiman bin Sujak
Ahli/Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif

Kesemua ahli Jawatankuasa Audit mempunyai kebiasaan bekerja dengan asas kewangan dan amalan perakaunan, dan salah seorang daripada ahlinya iaitu Encik Bazlan bin Osman adalah ahli Institut Akauntan Malaysia.

SYARAT RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT

PERLEMBAGAAN

Lembaga Pengarah membentuk dan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Audit yang mempunyai kuasa, tanggungjawab dan tugas spesifik seperti yang dinyatakan di bawah.

KOMPOSISI

Jawatankuasa ini terdiri daripada para pengarah Syarikat dan majoriti daripada ahli tersebut hendaklah bebas daripada pihak pengurusan dan tiada sebarang hubungan yang pada pendapat Lembaga Pengarah, sebagai seorang ahli jawatankuasa akan mengganggu pelaksanaan keputusan yang berkecuali.

Ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik seorang Pengerusi di antara mereka.

Sekiranya seseorang ahli itu bersara, meninggal dunia atau tidak lagi menjadi ahli dan menyebabkan bilangan ahli jawatankuasa menjadi kurang daripada 3 orang, Lembaga Pengarah dalam tempoh 3 bulan mesti melantik ahli baru yang diperlukan bagi melengkapkan bilangan keahlian minimum. Bilangan maksimum ialah 5 orang.

TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS

Fungsi Jawatankuasa Audit adalah untuk:-

- Mengkaji semula bersama juruaudit luar
 - pelan audit
 - penilaian mereka ke atas sistem kawalan perakaunan dalaman
 - laporan audit mengenai penyata kewangan
- Mengkaji semula bantuan yang diberikan oleh para pegawai Syarikat kepada juruaudit.
- Mengkaji semula skop dan keputusan prosedur audit dalaman.
- Mengkaji semula penyata kewangan yang diserahkan oleh pihak pengurusan dan kemudiannya akan diserahkan kepada Lembaga Pengarah.
- Mengkaji semula sebarang urus niaga penting pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam Syarikat ataupun Kumpulan.
- Memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah berkenaan perlantikan dan ganjaran kepada juruaudit luar.
- Mempertimbangkan sebarang perkara yang ingin diketengahkan oleh juruaudit untuk perhatian pengarah atau pemegang saham.
- Mengkaji semula aturan yang ditetapkan melalui pengurusan maklumat bagi memenuhi peraturan perundangan atau keperluan laporan luaran yang lain.
- Mengkaji semula keberkesanan pengurusan maklumat dan sistem kawalan yang lain di dalam Syarikat.

Laporan Jawatankuasa Audit

Nationwide Express Courier Services Berhad
(133096-M)

- Mengkaji semula polisi perakaunan yang diterima pakai, apa-apa perubahan pada prinsip atau amalan perakaunan dan tahap ketelitian yang digunakan pada bahagian yang memerlukan pertimbangan.
- Mengkaji semula maklumat kewangan interim dan pengumuman akhbar yang berkaitan dengan hal kewangan yang penting.
- Mengkaji semula sebarang urus niaga penting yang bukannya sebahagian daripada urusan biasa Syarikat.
- Memastikan bahawa pihak pengurusan tidak mengenakan sebarang sekatan ke atas skop pgaudit.
- Mengkaji semula keberkesanan fungsi audit dalaman.
- Mengkaji semula penyelarasan di antara juruaudit luar dan dalaman.

MESYUARAT

Jawatankuasa akan bersidang sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, atau lebih kerap mengikut keperluan keadaan.

KEHADIRAN

Ahli Jawatankuasa hendaklah menghadiri kesemua mesyuarat. Jumlah hadirin bagi mesyuarat ditetapkan kepada dua (2) orang ahli. Pengerusi boleh menjemput ahli pengurusan, juruaudit dalaman dan wakil juruaudit luar untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa.

Sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini. Rekod kehadiran adalah seperti berikut:-

AHLI JAWATANKUASA AUDIT	NO	22 MEI 03	01 AUG 03	21 NOV 03	17 FEB 04
Tan Sri Dato' (Dr.) Arshad bin Ayub	4/4	Hadir	Hadir	-	Hadir
Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdullah Sanusi bin Ahmad*	4/4	Hadir	Hadir	Hadir	-
Bazlan bin Osman	4/4	Hadir	Hadir	Hadir	**
Dato' Sulaiman bin Sujak	4/4	Hadir	-	Hadir	Hadir

* Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdullah Sanusi bin Ahmad meninggal dunia pada 29 November 2003.

** Bazlan bin Osman menunaikan ibadah haji

MINIT

Setiausaha Syarikat akan bertindak selaku Setiausaha kepada Jawatankuasa.

Minit setiap mesyuarat akan disediakan dan dihantar kepada ahli Jawatankuasa dan pengarah Syarikat yang bukan ahli.

KEPUTUSAN DAN SARANAN

Jawatankuasa Audit akan melaporkan keputusan dan saranan kepada Lembaga Pengarah tetapi pihak Jawatankuasa tidak mempunyai kuasa eksekutif untuk bertindak ke atas keputusan dan saranan tersebut.

LAPORAN AKTIVITI AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman telah ditubuhkan pada 1 Jun 1999. Kini, terdapat enam (6) orang kakitangan dalam Jabatan ini. Tugas utamanya adalah untuk menjalankan kajian semula operasi, proses dan prosedur, dan seterusnya mengetengahkan keputusan dan mencadangkan saranan kepada Jawatankuasa Audit untuk penambahbaikan seterusnya.

Laporan Jawatankuasa Audit

Nationwide Express Courier Services Berhad |
(133096-M)

Sepanjang tahun kewangan ini, tugas berikut telah dicapai:

JENIS AUDIT	ENTITI/BAHAGIAN YANG DIAUDIT
Mematuhi operasi dan prosedur kawalan dalaman	2 Cawangan 7 Agensi 2 Pusat Perkhidmatan Perniagaan 1 Anak Syarikat
Mengkaji semula sistem, pusingan, proses dan prosedur	2 Proses
Penyiasatan	2 Cawangan

Isu-isu utama, termasuk maklum balas pihak pengurusan dan saranan audit dibangkitkan kepada Jawatankuasa Audit. Juruaudit luar telah mengkaji semula dan mengesahkan isu utama dan maklum balas pihak pengurusan.

Perancangan Audit Dalam di masa hadapan telah dikaji semula dan diluluskan untuk pelaksanaan oleh Jawatankuasa Audit bagi memastikan amalan terbaik diamalkan oleh Syarikat. Pihak juruaudit luar telah memberi pandangan mereka berkenaan dengan jenis, skop dan pendekatan terhadap audit di masa hadapan kepada Jawatankuasa.

Penyata kewangan suku tahunan dan hujung tahun telah dikaji semula oleh Jawatankuasa Audit sebelum penyerahan kepada Lembaga Pengarah. Tumpuan diberi kepada pematuhan MASB dan lain-lain keperluan perundungan dan berkanun.

Letter From The Chairman

Warkah Dari Pengurus

Nationwide Express Courier Services Berhad
(133096-M)



"The business of TRUST is our lifeline and for 19 years we upheld that TRUST without compromise by providing excellent TRUSTED services with full commitment and dedication.

Trustworthiness makes us where we are today!"

"Perniagaan berteraskan AMANAH adalah kekuatan kami dan selama 19 tahun kami telah mempertahankan AMANAH tersebut tanpa kompromi dengan memberi perkhidmatan cemerlang yang berteraskan AMANAH dengan penuh komitmen dan dedikasi. Kebolehpercayaan membawa kami kepada kedudukan kami hari ini!"

Letter From The Chairman Warkah Dari Pengerusi

Nationwide Express Courier Services Berhad |
(133096-M)

To Our Shareholders,

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present this Annual Report and Audited Financial Statements of Nationwide Express for the financial year ended March 2004.

Kepada Pemegang Saham Kami,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ini dan Penyata Kewangan Beraudit untuk Nationwide Express bagi tahun kewangan berakhir Mac 2004.

Financial Performance

I am pleased to report another year of record performance achieved by Nationwide Express, which registered an increase turnover of 3.4% from RM65.6 million to RM67.8 million. In line with the growth in turnover together with various cost management measures taken during the financial year, Nationwide Express recorded an increase in pre-tax profit by 22.8% from RM9.2 million to RM11.3 million.

Nationwide Express has once again excelled in performance by delivering not only profitability and value to shareholders but also by providing innovative integrated logistics solutions and quality services to our business partners and the public at large.

Awards

Nationwide Express received the distinguished Kuala Lumpur Stock Exchange (now Bursa Malaysia) Corporate Merit Award 2003, for Second Board under Trading/Services category. We were also nominated for the National Annual Corporate Report Awards (NACRA) 2003.

All these successes are testimony to the management's continued commitment to the maintenance of a strong culture of ethics, integrity and transparency. Sound principles of corporate governance are critical in obtaining and retaining the trust of our stakeholders and to our goal of performance with integrity. We will continuously raise our standards in upholding our commitment to good corporate governance.

Prestasi Kewangan

Dengan sukacitanya saya melaporkan setahun lagi pencapaian prestasi yang cemerlang oleh Nationwide Express, yang telah mencatatkan peningkatan jualan sebanyak 3.4% daripada RM65.6 juta kepada RM67.8 juta. Selaras dengan pertumbuhan jualan dan juga pelbagai pendekatan pengurusan kos yang diambil sepanjang tahun kewangan, Nationwide Express telah merekodkan peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 22.8% daripada RM9.2 juta kepada RM11.3 juta.

Nationwide Express telah sekali lagi mencapai prestasi yang cemerlang dengan menyampaikan bukan hanya keuntungan dan nilai kepada pemegang saham tetapi juga memberikan penyelesaian integrasi logistik yang inovatif dan perkhidmatan berkualiti kepada rakan kongsi perniagaan dan orang awam secara am.

Anugerah

Nationwide Express telah menerima Anugerah Merit Korporat 2003 Bursa Saham Kuala Lumpur (kini Bursa Malaysia) yang unggul, bagi Papan Kedua di bawah kategori Perdagangan/Perkhidmatan. Kami juga telah dicalonkan untuk Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2003.

Kesemua kejayaan ini adalah testimoni kepada komitmen pihak pengurusan yang berterusan terhadap pengekalan budaya yang amat beretika, mempunyai integriti dan ketulusan. Prinsip padu berkenaan dengan tadbir urus korporat adalah kritikal dalam memperoleh dan mengekalkan kepercayaan pemegang saham dan bagi



Letter From The Chairman

Warkah Dari Pengerusi

Nationwide Express Courier Services Berhad
(133096-M)

Direktorate

The year 2003/04 was a sad year, as we said our prayers to one of our directors. The Board and I would like to record our deepest condolences to the family of Allahyarham Tan Sri Dato' Dr Haji Abdullah Sanusi bin Ahmad, who had served us since 1995. He was a colleague and a dear friend whose expertise particularly in human management was one of a kind, and he is missed dearly. May God bless his soul.

On behalf of the Board, I would also like to express our appreciation to Encik Ahmad Riza bin Basir, who resigned in March 2003, for his wise counsel and support. After serving close to ten (10) years we bid him farewell and wish him luck in his future undertakings. I am pleased to welcome Dr Roshayati binti Basir as a new member of our Board of Directors. A medical consultant in Radiology, her vast medical knowledge and experience will be valuable to us, particularly in the safety and health aspects.

Delivering Value to Shareholders

In living up to our commitment to deliver value to shareholders, the Board of Directors has the pleasure of recommending a final dividend of 10% less 28% tax amounting to RM3.09 million to be paid to our shareholders. For your information, an interim dividend of 5% less taxation 28% amounting to RM1.54 million was declared and paid during the financial year, making a total of 15% total dividend payout for the financial year 2003/04.

Advancing Forward

With a broadly-balanced economic structure and emerging new stimulus of growth, Malaysia is expected to achieve a stronger gross domestic product growth of between 6.0% and 6.5% in 2004/05. With the new financial stimulus from investors from all corners of the world, the Malaysian economy is expected to increase in leaps and bounds.

Against this backdrop, Nationwide Express is poised to ride on the anticipated growth and take advantage of the economic climate to achieve better performance and results. Coupled with corporate and management strategic initiatives planned for enhanced implementation for 2004/05, the future looks bright!

In Appreciation

I would like to express our thanks and gratitude to all our shareholders for their continuous support and confidence. Our appreciation also goes to all our business partners and loyal customers for their continued support and particularly for being 'unofficial ambassadors' of our products and services. We similarly extend our thanks to our business

mencapai matlamat kami, gerak laku yang mempunyai integriti. Kami akan terus meningkatkan piawai dalam mempertahankan komitmen kami terhadap tadbir urus korporat yang baik.

Lembaga Pengarah

Tahun 2003/04 adalah tahun yang menyedihkan, kerana salah seorang daripada Pengarah kami telah kembali ke rahmatullah. Saya dan Lembaga Pengarah ingin merakamkan ucapan takziah kami kepada ahli keluarga Allahyarham Tan Sri Dato' Dr Haji Abdullah Sanusi bin Ahmad, yang telah berkhidmat dengan kami sejak 1995. Beliau adalah seorang rakan sejawat dan sahabat yang disayangi di mana kemahiran beliau dalam pengurusan sumber manusia adalah unik dan kehilangan beliau amat dirasai. Al-fatihah. Semoga roh beliau dirahmati Allah.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Encik Ahmad Riza bin Basir, yang meletakan jawatan pada Mac 2003, atas sokongan padu serta nasihat bernas beliau. Setelah berkhidmat hampir sepuluh (10) tahun kami mengucapkan salam perpisahan dan selamat berjaya kepada beliau dalam pencapaian beliau di masa hadapan. Saya dengan besar hati mengalu-alukan kedatangan Dr Roshayati binti Basir sebagai ahli Lembaga Pengarah yang baru. Sebagai perunding dalam bidang Radiologi, pengetahuan dan pengalaman beliau yang meluas dalam bidang perubatan amat berharga buat kami, terutamanya dalam aspek keselamatan dan kesihatan.

Membawa Hasil kepada Pemegang Saham

Dalam menyahut komitmen kami untuk membawa hasil kepada pemegang saham, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mencadangkan dividen akhir sebanyak 10% ditolak 28% cukai berjumlah RM3.09 juta dibayar kepada pemegang saham kami. Untuk makluman anda, dividen interim sebanyak 5% ditolak cukai 28% berjumlah RM1.54 juta telah diumumkan dan dibayar sepanjang tahun kewangan ini, membawa kepada jumlah pembayaran dividen sebanyak 15% bagi tahun kewangan 2003/04.

Menuju ke Hadapan

Dengan struktur ekonomi imbangan-luas dan munculnya stimulus pertumbuhan baru, Malaysia dijangka mencapai pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar antara 6.0% dan 6.5% untuk 2004/05. Dengan stimulus kewangan baru daripada para pelabur dari serata pelosok dunia, ekonomi Malaysia dijangka akan meningkat dengan pesat.

Berdasarkan latar belakang ini, Nationwide Express bersedia untuk menyertai pertumbuhan yang dijangkakan dan mengambil kesempatan dari keadaan ekonomi untuk

Letter From The Chairman Warkah Dari Pengerusi

Nationwide Express Courier Services Berhad |
(133096-M)

associates and the various statutory and regulatory bodies whom we depended on to keep Nationwide Express at the top of its field.

I would like to record my sincere thanks to my fellow directors for their wise counsel and guidance, and also to the management and staff for their dynamism and drive to take Nationwide Express to its current position. We will together keep up the momentum and Insyallah we will take Nationwide Express to achieve greater success.

Thank you all for your valued contributions and I can look forward to an equally successful year ahead!

Nationwide Express is Trustworthiness!



DATO' DR MOHD NOOR BIN ISMAIL
Non-Independent, Non-Executive
Chairman

mencapai prestasi dan keputusan yang lebih baik. Berserta dengan perancangan inisiatif strategik korporat dan pengurusan bagi peningkatan pelaksanaan untuk 2004/05, masa depan tampak cerah!

Penghargaan

Saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kami kepada semua pemegang saham bagi sokongan dan keyakinan mereka yang berterusan sepanjang tahun. Ucapan terima kasih kami juga ditujukan kepada semua rakan kongsi perniagaan dan pelanggan yang setia diatas sokongan anda yang berterusan dan terutamanya kerana menjadi 'duta tak rasmi' produk dan perkhidmatan kami. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada rakan niaga dan berbagai badan berkanun dan perundangan yang kami harapkan bagi mengekalkan Nationwide Express sebagai yang terbaik dalam bidangnya.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang ikhlas kepada rakan pengarah bagi panduan dan saranan bijak mereka, dan juga kepada pengurusan dan staf bagi kedinamikan dan semangat mereka yang membawa Nationwide Express kepada kedudukannya sekarang. Bersama, kami akan terus berterusan mengekalkan momentum dan Insyallah Nationwide Express akan terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Terima kasih semua atas sumbangan anda yang tidak ternilai dan kami berharap kejayaan yang sama di masa hadapan!

Nationwide Express adalah Kebolehpercayaan!



DATO' DR MOHD NOOR BIN ISMAIL
Pengerusi,
Bukan Bebas, Bukan Eksekutif